

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapat Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG). Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG)

1. Apakah produk ini?

Ini adalah surat jaminan yang diperlukan oleh Jabatan Imigresen daripada anda sebagai deposit jaminan untuk pengambilan pekerja-pekerja asing (tidak termasuk Pembantu Rumah Asing) di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Imigresen.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Jaminan Insurans ini akan menjadi jaminan kepada Jabatan Imigresen untuk menampung perbelanjaan penghantaran balik sekiranya pekerja asing dikehendaki oleh pihak berkuasa untuk dihantar balik ke negara asal mereka semasa berada di Malaysia. Tempoh perlindungan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen bergantung kepada permit kerja sama ada tiga belas (13) bulan, lapan belas (18) bulan atau dua puluh enam (26) bulan. Majikan perlu membeli jaminan baru apabila memperbaharui permit pekerja.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada keperluan pengunderitan Allianz dan kewarganegaraan pekerja tersebut serta tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50 bagi setiap jaminan insurans yang dikeluarkan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Setem Hasil Dalam Negeri	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan pendedahan

• Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

(b) Sila pastikan memastikan bahawa butiran mengenai pekerja asing anda lengkap dan betul

- (c) Sila maklumkan kepada kami Pejabat Imigresen mana yang anda pohon untuk permit kerja
- (d) Kelayakan – Pekerja sepenuh masa pekerja asing pemegang polisi, yang berumur lapan belas (18) tahun hingga enam puluh (60) tahun yang terlibat secara aktif di tempat kerja pada tarikh untuk menyertai polisi ini

6. Bolehkan saya membatalkan Jaminan Insurans ini?

- (a) Tidak, jika jaminan insurans itu telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen
- (b) Ya, jika jaminan insurans itu tidak diserahkan kepada Jabatan Imigresen dan jaminan insurans asal dikembalikan kepada kami untuk pembatalan

7. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kepada kami apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

8. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Jaminan Insurans Pekerja Asing atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami secara langsung atau mana-mana cawangan atau ejen insurans anda mengikut keselesaan anda. Sebagai alternatif, anda boleh melayari laman sesawang kami di allianz.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
  AllianzMalaysia
 allianz.com.my

9. Lain-lain jenis perlindungan insurans pekerja asing yang boleh didapati:

- (a) Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)
- (b) Pekerja Asing – Perlindungan Tambahan (FWPLUS)
- (c) Skim Insurans Pembantu Rumah Asing (DSIS)

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.